

Hujan lebat di Hulu Kelantan punca air naik

Kota Bharu: Hujan lebat di kawasan Hulu Kelantan menjadi punca paras Sungai Golok meningkat, bukannya pelepasan air dari Empangan Sukirin, Narathiwat, Thailand.

Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Kamal Mustapa, berkata maklumat stesen pemantauan paras sungai tidak mengesan kenaikan air yang mendadak disebabkan pelepasan air dari empangan berkenaan.

Punca kenaikan

"JPS mengesan hujan lebat di kawasan Hulu Kelantan sejak beberapa hari lalu. Ini menjadi punca kenaikan paras Sungai Golok terutama di Rantau Panjang, sekali gus menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air," katanya mengulas kenaikan paras air Sungai Golok.

Paras Sungai Golok di Rantau Panjang sehingga jam 3 petang semalam ialah 8.15 meter iaitu paras amaran.

Laman sesawang info banjir menunjukkan paras beberapa sungai utama di Kelantan yang menjadi tempat menyukat paras air mencatatkan peningkatan.

Akibat kenaikan paras Sungai Golok, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan menasihatkan penduduk berhampiran sungai itu bersiap sedia untuk berpindah jika banjir.

Kamal berkata, walaupun Sungai Golok di Rantau Panjang berada di paras amaran, dengan keadaan cuaca yang baik semalam, paras air dijangka kembali seperti biasa.

"JPS sentiasa membuat pemantauan mengenai perkembangan paras Sungai Golok memandangkan kini sudah memasuki musim tengkujuh," katanya.

300 penduduk Kupang dipindah

Baling: Kira-kira 300 penduduk di lima kampung sekitar Kupang di sini, dipindahkan selepas perkampungan itu dilanda banjir kilat, semalam.

Ia membabitkan Kampung Kuala Bakong, Binjul Luar, Batu Tujuh, Taman Sheikh Fadzir dan Kampung Masjid Tawar.

Semua 78 keluarga itu dipindahkan ke pusat penempatan sementara di Surau Kampung Kuala Bakong, Dewan Orang Ramai Binjul Luar, Surau Kampung Batu Tujuh, Surau Taman Sheikh Fadzir dan Masjid Tawar.

Banjir kilat itu berpunca daripada hujan lebat yang berterusan selama lima jam sehingga jam 3 pagi semalam.

Bagaimanapun, sebahagian besar daripada mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas air beransur surut.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Baling (JKM), Nzatul Iffah Abdullah, berkata sehingga lewat petang semalam, hanya mangsa dari Kampung Bakong masih berada di pusat penempatan sementara.

"Kami juga sudah mempersiapkan segala keperluan terma-



Nzatul Iffah berbual dengan Suriani Saad, 32, **ketika melawat mangsa banjir** di Kampung Binjul Luar, Kuala Ketil.

[FOTO SAFURI KAMARUDIN/BH]

suk bekalan makanan untuk memastikan mangsa banjir mendapat bantuan yang sepatutnya," katanya ketika di sini, semalam.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Kubang Pasu, Kamarulzaman Kasa, berkata tiga kampung di Changlun turut dilanda

banjir kilat, kira-kira jam 10 pagi semalam.

Bagaimanapun, katanya, tiada penduduk dipindahkan.

Di **Shah Alam**, hujan lebat kira-kira dua jam mulai jam 3 petang menyebabkan kawasan sekitar Jalan Sungai Rasau dan Padang Jawa, dilanda banjir kilat.